

12 MAR 2002

Rusia-Malaysia/I

RUSIA TUNGGU KUNJUNGAN DR MAHATHIR UNTUK KUKUHKAN HUBUNGAN

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Sedang Rusia dan Malaysia akan menyambut ulang tahun ke-35 terjalinnya hubungan diplomatik antara kedua-dua negara bulan depan, Moscow bersiap-siap untuk membentangkan permaidani merah Khamis ini bagi menyambut kedatangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan harapan hubungan dua hala itu akan menjadi semakin kukuh.

Duta Besar Rusia ke Malaysia Vladimir Morozov berkata beliau gembira Perdana Menteri akan melawat Moscow pada saat yang amat penting ini selepas lawatan yang dijadualkan pada September tahun lepas terpaksa ditangguhkan berikutan serangan penganas terhadap Amerika Syarikat.

"Ini merupakan peluang paling baik bagi pemimpin kedua-dua negara meneliti pendirian mereka tentang isu-isu global, dan tidak kurang pentingnya bagi mengkaji hubungan dua hala secara menyeluruh," katanya dalam satu temubual dengan Bernama.

Mengikut jadual, Dr Mahathir akan mengadakan perbincangan dengan Presiden Rusia Vladimir Putin pada Khamis ini -- pertemuan ketiga mereka selepas perbincangan yang membuahkan hasil pada acara sampingan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di Brunei Darussalam dua tahun lepas dan di Shanghai tahun lepas.

Kunjungan dua hari Perdana Menteri ke Moscow merupakan persinggahan pertama beliau dalam rangka lawatan sembilan hari ke Rusia, Jerman dan Poland. Ini merupakan lawatan kedua Dr Mahathir ke Rusia selepas mengunjungi wilayah Khabarovsk dan Buryatia pada Ogos 1999.

Morozov mengaku bahawa hubungan dua hala antara Malaysia dan Rusia "terserlah melalui persefahaman dan kewibawaan yang tinggi".

"Perlu ditegaskan bahawa ketika suasana serantau dan global berubah pada dekad-dekad lepas, kita telah berjaya mengelak halangan yang ada dan mencapai rekod cemerlang daripada segi kerjasama sebagai sahabat," kata Morozov yang bertugas di negara ini sejak satu setengah tahun lepas.

"Saya boleh katakan kita sudah menjadi rakan yang baik dan bentuk kegiatan yang kita sertai adalah agak luas dan memberi banyak harapan... ada projek aeroangkasa secara bersama, perbincangan mengenai dagangan minyak sawit, kerjasama di kalangan agensi berita, perjanjian bekalan alat kelengkapan pertahanan serta inisiatif lain yang diterajui oleh kerajaan," kata beliau.

Menurut Morozov, cabaran globalisasi yang ada sekarang serta usaha untuk mempelbagaikan hubungan luar antara kedua-dua negara memerlukan negaranya dan Malaysia mempertingkatkan hubungan dua hala secara langsung.

Katanya, untuk tujuan itu Rusia dan Malaysia boleh memanfaatkan bidang-bidang yang mempunyai permintaan serta potensi di kedua-dua negara.

Ditanya tentang bidang kerjasama baru yang boleh diterokai, beliau berkata untuk masa akan datang, hubungan antara Rusia dan Malaysia perlu ditumpukan kepada gandingan ekonomi yang diterajui oleh sektor swasta di kedua-dua negara.

"Pada tahun-tahun kebelakangan ini, kita telah mewujudkan hubungan antara kerajaan yang agak intensif, yang membantu kita dalam membincangkan agenda dua hala di peringkat tinggi dan meletakkan asas bagi kerjasama sesama kita."

"Kini sudah tibalah masanya bagi masyarakat peniaga kita memanfaatkannya dan seterusnya merintis jalan ke arah mewujudkan peluang niaga untuk faedah bersama.

"Sebab itulah kami menaruh harapan tinggi terhadap lawatan Perdana Menteri Malaysia ke Rusia khususnya penyertaan beliau dalam forum perniagaan anjuran Institut Strategi dan Kempimpinan Asia (Asli) serta Dana Kerjasama Rusia-Asean dengan penyertaan luas sektor swasta Malaysia," katanya.

Dr Mahathir akan bercakap mengenai globalisasi dan kesannya terhadap dunia yang adil dan makmur pada forum tersebut selepas pertemuan dengan Putin.

"Saya rasa ia boleh membantu syarikat Malaysia dan Rusia manjalin hubungan perniagaan secara langsung yang kini masih lagi kurang. Jika mereka sama-sama dapat mengatasi kekurangan pengetahuan yang wujud dan menjadi lebih terbuka antara satu dengan lain, saya pasti mereka akan mendapat faedah daripada potensi sumber industri dan manusia yang dimiliki oleh kedua-dua negara," kata Morozov.

Beliau berkata Malaysia adalah antara rakan dagangan utama Rusia di Asia Tenggara dengan purata nilai dagangan AS\$310 juta setahun pada 1996-2001.

Beliau percaya Malaysia dan Rusia berpotensi besar untuk meningkatkan hubungan dagangan antara satu dengan lain termasuk kemungkinan bagi Malaysia mempertingkatkan hubungan dengan beberapa wilayah Rusia. Kerajaan Persekutuan Rusia sendiri menggalakkan republik dan wailayahnya memajukan sendiri kegiatan ekonomi luar masing-masing.

"Ini khususnya bagi Wilayah Khabarovsk dan Republik Yakutia-Sakha yang kaya dengan sumber asli serta lebih hampir dengan Malaysia dari segi geografi," katanya.

Antara bidang kerjasama yang mempunyai masa depan cerah ialah projek usahasama dalam bidang penerbangan awam yang melibatkan teknologi tinggi Rusia, sistem aeroangkasa dan pengurusan kecemasan, katanya.

Bagaimanapun, menurut duta besar itu, tumpuan sebenar hubungan Rusia-Malaysia ialah kerjasama dalam bidang pendidikan.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana telah mengiktiraf diploma yang dikeluarkan oleh beberapa universiti negaranya.

Ditanya sama ada Rusia akan mencadangkan inisiatif baru bagi mempertingkatkan hubungan dengan Malaysia semasa kunjungan Perdana Menteri kelak, beliau berkata Moscow akan mengemukakan beberapa cadangan mengenainya.

"Memandangkan terdapat agak banyak idea daripada kedua-dua pihak tentang bagaimana hendak mempertingkatkan kerjasama dua hala, Rusia akan mengemukakan secara rasmi bidang-bidang yang memerlukan penyertaan kerajaan," katanya.

Beliau berkata secara khusus, bidang yang dimaksudkan ialah yang mempunyai kaitan dengan pemindahan teknologi tinggi dari Rusia termasuk teknologi bio yang kini menduduki tempat utama dalam agenda saintifik Malaysia.

Dr Mahathir dijadualkan melawat Pusat Bio-organik Kimia Akademi Sains dan Institut Penerbangan Zhukovsky pada hari kedua lawatan beliau ke Rusia.

"Ringaksnya, Rusia akan mengambil kesempatan ini untuk mengukuhkan hubungan persahabatannya dengan Malaysia," kata Morozov.

"Biar saya akui bahawa Dr Mahathir, pemimpin yang paling lama mentadbir Malaysia dalam sejarah hubungan rasmi antara kita adalah tokoh terkemuka dan popular di kalangan ahli plotik dan akademik Rusia," katanya.

Beberapa penerbitan di Rusia termasuk buku berjudul "Dr Mahathir Mohamad: Politician and Personality" diterbitkan khusus baru-baru ini sebagai menghormati beliau.

Morozov berkata bimbingan yang diberi oleh Dr Mahathir untuk menjadikan Malaysia sebuah negara bebas yang memainkan peranan besar dalam hal-ehwal sejagat juga amat dipandang tinggi di negaranya.

Dr Mahathir, yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, tiga menteri kabinet dan tiga Ketua Menteri juga dijadual mengadakan pertemuan dengan penuntut Malaysia semasa berada di Moscow.

Beliau akan berlepas ke Jerman pada hari Sabtu sebelum melawat Poland dari 21 hingga 23 Mac.

-- BERNAMA

AZZ RON SP NMO